

**Dr Mahathir: Saya tidak boleh pecat Samy Vellu**  
**Malaysiakini.com**  
**May 10, 2007**  
**Fauwaz Abdul Aziz**

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu mahupun pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain, walaupun berdepan dengan dakwaan skandal, tidak boleh dipecat kerana BN akan menanggung akibatnya.

"Awak tanyalah MIC apa yang akan mereka lakukan jika (Datuk Seri) Samy Vellu dipecat," kata Dr Mahathir apabila ditanya mengapa beliau tidak memecat Menteri Kerjaraya itu, yang menghadapi pelbagai tuduhan rasuah dan salahguna kuasa.

"(Ahli) MIC takut sekali dengan (Datuk Seri) Samy Vellu," tambah Dr Mahathir yang sebelum ini merupakan presiden Umno dan pengerusi BN sewaktu menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

"Mengenai kepimpinan parti komponen BN, saya tidak ada banyak kuasa untuk memilih siapa yang patut jadi ketua atau memecat mereka dari kabinet," katanya dalam temubual eksklusif dengan Malaysiakini di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya.

"Anda dapat lihat bahawa semua ketua parti komponen BN ada dalam kabinet, bukan kerana saya pilih mereka, tapi kerana mereka dipilih oleh parti mereka," katanya.

Dr Mahathir membuat pengakuan itu selepas ditanya bertubi-tubi oleh para editor Malaysiakini mengenai kesungguhannya memerangi rasuah.

### **Rafidah Aziz**

Bekas Perdana Menteri itu juga mendakwa, beliau telah melakukan apa yang termampu olehnya terhadap seorang lagi menteri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang didakwa terbabit dalam rasuah sewaktu pentadbirannya.

"Tindakan telah diambil. Mereka - Pejabat Peguam Negara - telah menggugurkan tuduhan terhadapnya (Rafidah). Jika Peguam Negara (AG) gugurkan tuduhan, itulah adalah keputusan AG," tegas Dr Mahathir.

"Tetapi hakikatnya ialah saya tidak pernah menghalang siasatan dijalankan," tambahnya.

Dr Mahathir turut memperlihatkan ketangkasnya menangkis kritikan terhadap pentadbirannya dengan memantulkannya kepada pengganti pilihannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Apabila ditanya mengapa Abdullah tidak memecat Rafida, Dr Mahathir menjawab: "Ianya satu misteri."

Mahathir mendakwa, di bawah kementerian Rafidah, "ribuan" permit import kereta telah dikeluarkan kepada mereka yang didakwa telah menjual permit tersebut untuk mendapat keuntungan segera.

"Pecat menteri tersebut," katanya apabila ditanya bagaimana penyelewengan dasar yang bertujuan membantu usahawan bumiputera dapat ditangani.

### **Kuota universiti**

Kenyataan pedas Dr Mahathir itu adalah yang terbaru dalam pertelingkahannya dengan Abdullah sejak setahun lalu berhubung dasar pentadbiran kerajaan sekarang, serta dakwaan rasuah dan nepotisme.

Menurut bekas Perdana Menteri itu, 'suasana takut' menyelubungi politik negara dan pemimpin kerajaan yang lemah berbanding dengan zaman pentadbirannya dahulu.

"Masa saya dulu, jika mereka tidak mampu menyumbang, mereka tidak akan dapat (jawatan kerajaan)," katanya.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) Dr Mahathir berkata, ia patutnya dimansuhkan secara berperingkat, tetapi atas asas kes-kes tertentu, seperti tempat yang diperuntukkan untuk bumiputera di universiti.

"Saya sendiri telah memutuskan supaya kuota (universiti) dimansuhkan dan mengikut merit kerana saya rasa masanya telah tiba dan bumiputera pula tidak menggunakannya.

"Tetapi ada perkara-perkara lain yang rasa kita masih perlu beri pertimbangan istimewa...penarikan balik DEB sepenuhnya, saya rasa, bukan satu idea yang baik," tambah Dr Mahathir.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/67069>